

SOALAN NO: 83

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY
A/L R.SANTIAGO [KLANG]

TARIKH : 24 JUN 2009 (RABU)

SOALAN :

TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapa permintaan Spaz Sdn. Bhd. (projek naik taraf jalan FT5 dari Klang ke Kapar (fasa 3) untuk peruntukan sebanyak RM11 juta masih belum diluluskan walaupun Kementerian telah terima peruntukan yang besar dari Pakej Perangsang 1 dan 2.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telah mengkaji permohonan peruntukan berjumlah RM11.0 juta daripada Syarikat Spaz Sdn. Bhd. selaku kontraktor kepada Projek Menaiktaraf Jalan FT5 dari Kapar ke Klang. Didapati kaedah yang lebih sesuai untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas di Bandar Klang adalah melalui mewujudkan rangkaian jalan sehala di laluan utama di Bandar Klang. Kerajaan telah bersetuju meluluskan RM2.2 juta bagi maksud tersebut.